

01 JUN 2004

KHAZANAH-AZMAN

PENGARAH URUSAN BARU KHAZANAH NASIONAL MULAKAN TUGAS HARI INI

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Azman Mokhtar yang dilantik sebagai pengarah urusan Khazanah Nasional Bhd pada 14 Mei lepas, memulakan tugasnya hari ini dan bersama-sama pasukan pengurusan Khazanah yang lain secara serta-merta telah memulakan penelitian semula berhubung arah tuju yang lebih strategik untuk Khazanah.

Arah tuju ini meliputi antaranya objektif strategik, analisis pemegang saham, tadbir urus dan pematuhan, pelaburan dan kedudukan kewangan, operasi pelaburan dan kawalan, struktur organisasi dan keperluan modal.

Ini dilaksanakan seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Khazanah Nasional salah sebuah syarikat pelaburan terbesar dan paling dinamik di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai pengerusi lembaga pengarah Khazanah Nasional, telah melahirkan hasrat kerajaan ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Khazanah di sini hari ini, Azman sekali lagi ingin mengucap terima kasihnya kepada Perdana Menteri dan Khazanah Nasional kerana keyakinan mereka dalam melantik beliau melaksanakan tugas ini.

Beliau berkata "ia merupakan tanggungjawab yang amat berat yang telah diamanahkan kepada beliau untuk para pemegang saham Khazanah".

"Kita akan berusaha bersama-sama untuk merealisasikan wawasan Khazanah dalam memacu pembangunan negara dan daya saing antarabangsa dalam tempoh jangka panjang," kata beliau.

Dalam pada itu, Khazanah berkata kajian semula ini akan dikendalikan secara prinsipalnya menerusi perbincangan dengan pemegang-pemegang saham utama Khazanah, yang dahulu dan sekarang, termasuklah ahli-ahli lembaga pengarah dan exco, pegawai kanan kementerian-kementerian dan agensi kerajaan yang terbabit, rakan kongsi perniagaan, perunding dan penasihat, ahli-ahli komuniti perniagaan antarabangsa, pemimpin korporat dan

ahli-ahli  
masyarakat sivil.

Kajian semula ini akan dikendalikan dalam jangka waktu yang lebih cepat dan akan ditentu dan diluluskan oleh lembaga pengarah.

Khazanah turut melahirkan penghargaan kepada pengarah urusan yang akan melepas jawatan itu iaitu Datuk Anwar Aji beserta dengan pengarah-pengarah Datuk Mohamad Hasan, Tan Sri Samsudin Hitam, Raja Datuk Zaharaton Raja Zainal Abidin dan Che Khalib Mohamad Noh atas perkhidmatan mereka yang begitu cemerlang.

Ia berkata Anwar dan Tan Sri Sheriff Kassim serta ahli-ahli lembaga sebelum ini, terutamanya Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan anggota pengasas Khazanah dalam tahun 1994 dan gigih membina Khazanah sehingga menjadi salah sebuah jentera pelaburan penting kerajaan. -- BERNAMA

TNS FR AA